

**Hadi: Tengok juga siapa bawah MB**  
**MalaysiaKini.com**  
**January 31,2012**

Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang hari ini menafikan parti itu hilang portfolio agama Selangor apabila ia kini diletakkan terus bawah Menteri Mesr Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Katanya, pihaknya masih berperanan besar apabila menteri Besar melantik ADUN Bangi Dr Shafie Abu daripada PAS sebagai pembantu exco agama, lapor Harakahdaily.

NONE"Cumanya kita lantik siapa bawah Tan Sri Khalid, ini yang penting. Setengah orang kita ini tak nampak (siapa) yang kena buat kerja, nak tengok siapa (ketua).

"Lagipun pilihan raya umum dekat dah," kata Hadi (kiri) sambil menyifatkan keputusan itu juga sebagai strategi pilihan raya.

Perubahan portfolio yang asalnya dipegang bekas pemimpin Datuk Dr Hasan Ali itu sebelum ini dijadikan isu yang digunakan menyerang parti Islam itu.

Selangor pada 19 Januari melakukan rombakan dengan Abdul Khalid mengambil alih pentadbiran hal ehwal Islam manakala ADUN Sijangkang Ahmad Yunus Hairi bertanggungjawab terhadap portfolio adat resam Melayu, belia dan sukan yang sebelum ini dipegangnya.

Akhbar web PAS itu juga melaporkan Hadi sebagai menyifatkan keputusan Khalid berhubung perkara itu sebagai sangat molek atas kelebihanannya selalu berjumpa dengan Sultan.

"Kita kena tahu di Selangor agama di bawah bidang kuasa raja melalui majlis agama.

"Kita nampak Tan Sri Khalid ini orang paling rapat dengan Sultan, dia paling kerap jumpa Sultan, jadi moleklah orang paling acap jumpa sultan (pegang exco agama)," beliau dipetik sebagai berkata.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd  
<http://www.malaysiakini.com/news/187931>